

Artikel

**Bahasa Ibunda Dan Kecerdasan Buatan Agen Transformasi Prasetia Keusahawanan Mahasiswa
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia**
*(Mother Language and Artificial Intelligence as Transformative Agents of Entrepreneurial Readiness
among Students of the International Islamic University Malaysia)*

Mohd Senu Awang

Divisyen Bahasa Melayu, CELPAD, International Islamic University Malaysia, Malaysia

*Pengarang Koresponden: senu@iium.edu.my

Diserah: 30 November 2025 / Diterima: 30 Januari 2026

Abstrak: Penggunaan teknologi Kecerdasan Buatan (AI) dalam bidang penyelidikan pendidikan telah menjadi subjek perbincangan yang semakin penting dalam usaha meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran, terutama dalam konteks pembelajaran subjek Bahasa Melayu. Penyelidikan kualitatif ini bertujuan untuk meneroka prasetia keusahawanan mahasiswa Malaysia di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang mengambil kursus Bahasa Melayu Kerjaya Perniagaan. Teknologi AI, NVivo 14, telah digunakan untuk mengukur prasetia keusahawanan. Sembilan pelajar telah ditemu bual. Empat dimensi tema prasetia keusahawanan, iaitu tema motivasi, tema jaringan sokongan, tema pengaruh bahasa Ibunda dan tema prasetia keusahawanan digunakan untuk mengukur prasetia keusahawanan yang wujud dalam diri mahasiswa Malaysia, UIAM. Dapatan daripada temu bual bersama-sama sembilan informan menunjukkan empat tema tersebut secara positif dan signifikan mempengaruhi psikologi mereka terhadap prasetia keusahawanan. Informan lelaki lebih bermotivasi terhadap prasetia keusahawanan berbanding informan perempuan. Pengaruh jaringan sokongan lebih kuat mempengaruhi informan perempuan berbanding informan lelaki. Faktor mediator bahasa Ibunda lebih mempengaruhi informan perempuan berbanding lelaki. Sementara informan perempuan lebih cenderung terhadap prasetia keusahawanan. Kesimpulannya, penggunaan AI, NVivo 14 sangat berkesan bagi mengukur prasetia keusahawanan dalam kalangan mahasiswa Malaysia di UIAM untuk memupuk minat dalam kerjaya keusahawanan dan sekali gus akan mencipta kerjaya sendiri bagi mengecilkan jurang pengangguran serta meningkatkan ekonomi mereka dan dalam masa yang sama menyokong dasar keusahawanan negara.

Kata kunci: Kecerdasan Buatan; bahasa ibunda; prasetia keusahawanan; mahasiswa uiam; kerjaya keusahawanan.

Abstract: The application of Artificial Intelligence (AI) technology in education research has become a particularly significant topic of debate to enhance the quality of teaching and learning, particularly in the context of learning the Malay language. This study employs qualitative methods to investigate the entrepreneurial intention of Malaysian International Islamic University Malaysia (IIUM) students enrolled in the Bahasa Melayu Kerjaya Perniagaan. NVivo 14, an artificial intelligence technology, has been used to quantify entrepreneurial intention. I chose nine students as informants. The study employed four themes, namely motivation, networking, influence of mother language, and entrepreneurial intention, to identify the components of entrepreneurial intention in Malaysian students. The aim was to equip them for future careers in entrepreneurship. The findings from interviews with nine participants indicate that the four themes have a constructive and substantial impact on entrepreneurial intention. The motivation theme is more pronounced among male participants compared to female participants. Networking themes exert a more pronounced

impact on female participants than male participants. The mediator factor of the mother language more significantly influences female participants than male participants. However, female informants exhibit a greater propensity for entrepreneurial intention. Finally, this study is vital for determining the entrepreneurial intention among Malaysian students at IIUM to pursue entrepreneurial careers and enhance their economy to support the country's entrepreneurship policy.

Keywords: Artificial Intelligence, mother language, entrepreneurial intention, IIUM students, entrepreneurship career

Pendahuluan

Teknologi digital semakin berkembang pesat pada hari ini dan memainkan peranan yang semakin penting dalam pelbagai bidang, termasuk dalam bidang pendidikan keusahawanan. Salah satu aspek teknologi yang semakin menonjol pada abad ke-21 dalam era revolusi perindustrian 4.0 ialah, teknologi Kecerdasan Buatan (AI) yang menjanjikan potensi besar untuk mengubah landskap pendidikan pada masa kini. Malahan AI dalam penyelidikan pendidikan keusahawanan membuka lebih banyak peluang untuk memperkasa bakal usahawan di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Malaysia, termasuklah di UIAM dalam membina kemahiran keusahawanan secara lebih kreatif, inovatif, praktikal dan cekap mencari peluang mencipta kerjaya masa hadapan. Sementara, menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), "Praselia" merujuk niat atau janji yang teguh. Praselia juga boleh merujuk ketetapan hati atau tekad yang kuat. Pemilihan kosa kata praselia bertujuan untuk mempelbagaikan kosa kata Melayu nusantara dalam bidang penyelidikan masa kini. Praselia keusahawanan pula merujuk niat, keinginan, kesungguhan dan tekad seseorang untuk memulakan atau menceburi kerjaya keusahawanan. Praselia keusahawanan juga merupakan suatu motivasi dalaman dan dorongan faktor luaran yang mendorong individu untuk mengambil risiko, mencipta peluang kerjaya dan seterusnya membangunkan perniagaan sendiri.

Walaupun kadar pengangguran graduan di Malaysia menunjukkan trend menurun dalam beberapa tahun kebelakangan, dengan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan penurunan kadar pengangguran siswazah kepada sekitar 3.2% pada tahun 2024, dan jumlah graduan menganggur berkurang kepada 167,300 orang pada tahun yang sama, walaupun masih ada kebimbangan isu seperti ketidakpadanan kemahiran dan pengangguran dalam kalangan siswazah wanita yang lebih tinggi. Kerjaya keusahawanan mampu menyediakan peluang pekerjaan dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi. Kadar pengangguran yang masih tinggi dalam kalangan graduan universiti seharusnya menggalakkan mahasiswa memilih kerjaya keusahawanan sebagai alternatif kerjaya pilihan masa hadapan.

Isu gaji minimum di Malaysia juga antara faktor yang boleh membuka minda mahasiswa untuk menceburi kerjaya keusahawanan. Jumlah terendah yang boleh dibayar oleh syarikat secara sah kepada pekerja mereka dikenal sebagai gaji minimum. Kerajaan Malaysia mengumumkan Gaji minimum di Malaysia kini ialah RM1,700 sebulan dan telah berkuat kuasa sepenuhnya untuk semua majikan di seluruh negara mulai 1 Ogos 2025, berikutan pengumuman Kerajaan dalam Bajet 2025. Ini adalah kenaikan daripada RM1,500, dan meliputi semua majikan tanpa mengira saiz atau jenis pekerjaan. (Kementerian Sumber Manusia (KSM) [minimumwages.mohr.gov.my](https://www.minimumwages.mohr.gov.my) atau gajiprogresif.gov.my. 2025). Namun jumlah ini dilihat masih tidak setimpal dengan kelayakan mahasiswa di Malaysia. Pendapatan graduan peringkat ijazah adalah antara RM2,001 dan RM2,500 (Dzulkifly, 2021). Menurut Dr Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkaan Jabatan Perangkaan (DOS), graduan ijazah hanya memperoleh RM1,001 hingga RM1,500 pada tahun 2020 (Tumin, 2021). Kesukaran mencari pekerjaan dengan gaji yang lumayan menyebabkan ramai orang termasuk pelajar pengajian tinggi lebih cenderung untuk melibatkan diri dalam kerjaya keusahawanan.

Keusahawanan bukan sekadar satu pilihan kerjaya, tetapi juga elemen penting dalam meningkatkan kebolehpasaran graduan dengan membekalkan mereka kemahiran yang relevan untuk mencipta pekerjaan masa kini dan masa depan, serta membuka laluan untuk menjana pendapatan dan menyumbang kepada kebolehpasaran graduan dan mengecilkan jurang pengangguran dalam kalangan lepasan universiti. Malahan pendidikan keusahawanan menggunakan bahasa Ibunda diyakini boleh disalurkan untuk manfaat pengetahuan

dan kemampuan hidup di luar lingkungan universiti, iaitu untuk kepentingan bermasyarakat. Pendidikan keusahawanan bahasa Ibunda diyakini dapat membentuk mentaliti keusahawanan dalam kalangan mahasiswa. Pendidikan keusahawanan bahasa Ibunda juga bertujuan memupuk tiga komponen kemahiran, iaitu kognitif, afektif, dan kecenderungan tindakan. Pendidikan keusahawanan bahasa Ibunda diyakini boleh disalurkan untuk manfaat pengetahuan dan kemahiran hidup (di kampus dan) di luar lingkungan universiti, terutamanya hidup bermasyarakat. (Nurul Hidayah & Norasmah, 2023), serta boleh menjadi laluan alternatif kerjaya penting bagi graduan yang tidak mendapat pekerjaan dalam bidang berkaitan atau ingin menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan dan menjadi majikan kepada diri sendiri.

Teori Tingkah laku yang Dirancang

Penyelidikan kualitatif ini menggunakan Model Teori Tingkah laku yang Dirancang-*Theory of Planned Behaviour* (TPB) yang dibangunkan oleh Icek Ajzen (1991, 2020) bertujuan untuk menentukan prasetia keusahawanan. Menurut Krueger et al. (2000), TPB ialah rangka kerja yang sah untuk menentukan prasetia keusahawanan seseorang individu. Prasetia boleh dikategorikan sebagai suatu faktor motivasi dalaman dan luaran yang mempengaruhi tingkah laku manusia dan juga menentukan tanda-tanda seseorang individu sanggup mencuba, berusaha untuk melakukan sesuatu tingkah laku.

Tiga variabel utama yang dicadangkan oleh model TPB iaitu sikap terhadap tingkah laku yang menjelaskan bahawa penilaian positif atau negatif seseorang terhadap melakukan tingkah laku tertentu, seperti jangkaan, prasetia, motivasi dan pertumbuhan adalah ditentukan berdasarkan sikap usahawan terhadap tingkah laku terhadap kejayaan perniagaan. Norma subjektif pula berkaitan dengan persepsi atau pengaruh sosial (norma) untuk melakukan atau tidak melakukan tingkah laku tersebut. Pengaruh dari luar seperti keluarga, rakan-rakan dan pensyarah. Sementara kawalan tingkah laku pula merupakan persepsi seseorang tentang betapa mudah atau sukarnya untuk melakukan tingkah laku, bergantung kepada sumber dan halangan yang ada yang menyokong pertumbuhan dan kejayaan sesuatu perniagaan (Ajzen, 2020).

Prasetia keusahawanan dalam konteks ini merujuk tindakan seseorang yang membuat keputusan sama ada untuk melibatkan diri dalam bidang keusahawanan sebagai kerjaya. Secara umumnya, tahap dan kadar prasetia akan meningkat kesan daripada sikap yang positif terhadap sesuatu kelakuan (Carr & Sequeira, 2007). Penyelidikan Luka Zovko et al., (2020), mendapati bahawa sikap dan kecenderungan terhadap risiko memberi kesan positif kepada prasetia keusahawanan. Sementara penyelidikan yang dilakukan oleh Normasitah, Arnida & Soaib (2022), terhadap sekumpulan pelajar pula mendapati Sikap terhadap tingkah laku dan prasetia keusahawanan berada pada tahap sederhana, manakala Norma subjektif berada pada tahap tertinggi dan terdapat hubungan positif dan kuat serta signifikan antara Kawalan tingkah laku dengan prasetia keusahawanan. Antonio Etrata et al. (2022), pula menyatakan bahawa sikap keusahawanan, penilaian sosial, kemahiran keusahawanan, dan pengetahuan keusahawanan sangat mempengaruhi prasetia keusahawanan. Sementelahan penyelidikan yang telah dijalankan oleh Mohamad Imtiaz et. al. (2023), membuktikan bahawa ciri dan dimensi sikap, motivasi dan pengaruh persekitaran akan mempengaruhi prasetia keusahawanan dalam kalangan pelajar pendidikan tinggi.

Justeru, ketiga-tiga variabel ini akan membentuk prasetia keusahawanan seseorang untuk melakukan sesuatu, dan prasetia yang teguh akan meningkatkan kemungkinan tingkah laku terhadap kerjaya keusahawanan akan benar-benar berlaku. Oleh itu pembabitan golongan mahasiswa dalam aktiviti keusahawanan di kampus adalah signifikan dan boleh membawa kesan positif kepada prasetia keusahawanan (Nur Anira et. al., 2023), malahan sekiranya prasetia keusahawanan tersebut terus berkembang dalam minda mahasiswa ini boleh menjadi agen transformasi kepada kerjaya keusahawanan. Sementara itu, pendidikan keusahawanan bahasa Ibunda memberi tumpuan kepada pemahaman dan keupayaan untuk membentuk prasetia keusahawanan. Menguasai bahasa Ibunda dapat meningkatkan keyakinan dalam pembacaan dan penulisan dan sangat membantu usahawan untuk menguasai pasaran tempatan (Rajathurai Nishanthi, 2020). Nuryake Fajaryati et. al., (2020), pula menyatakan bahawa pemilihan kerjaya yang berorientasikan masa hadapan, termasuklah kerjaya keusahawanan banyak dipengaruhi oleh ciri-ciri budaya bahasa Ibunda dan juga bahasa lain yang dipelajari kemudian.


Bahasa Ibunda merupakan elemen penting dalam pembangunan modal insan (Fearon & Laitin, 2003), dan membentuk perkembangan kognitif (Rezvan Noormohamadi, 2008). Terdapat berbagai-bagai definisi yang diberikan kepada bahasa Ibunda. Rajathurai Nishanthi (2020), menyatakan bahasa Ibunda sebagai bahasa pertama yang dipelajari semasa bayi, bahasa yang diketahui oleh orang dewasa, dan teras dalam merangka pemikiran, mental dan emosi seseorang dan berpengaruh dalam memajukan pembelajaran manusia. Pendapat ini, turut disokong oleh Zafar (2021), yang menyatakan perkembangan pendidikan bergantung kepada bahasa Ibunda yang sangat penting, pada peringkat awal. Penyelidikan yang dijalankan oleh Mezieobi et. al. (2023) pula, mendapati pelajar yang mempunyai pengetahuan bahasa Ibunda akan mempunyai sikap yang positif terhadap pendidikan keusahawanan, dan dalam masa yang sama akan menunjukkan kecenderungan kepada kerjaya keusahawanan. Malahan kemahiran berbahasa Ibunda terbukti mempengaruhi pencapaian akademik (Ogundale & Olanipekun, 2013), dan wujudnya korelasi positif antara prestasi pelajar dengan kecekapan berbahasa Ibunda (Pardeep Kumar, 2014; Savitry Chelliah & Norasmah, 2022),

Seterusnya, prasetia keusahawanan dipengaruhi oleh dua faktor, iaitu faktor struktural seperti pendapatan yang rendah, sukar mendapat pekerjaan, hilang pekerjaan tetap, pengangguran dan kemelesetan ekonomi, dan faktor proaktif yang berkait rapat dengan keinginan untuk hidup bebas dan berdikari, status sosial, pendapatan yang tinggi dan tidak terikat dengan peraturan orang lain (Tagne, 2020). Daripada pengaruh kedua-dua faktor di atas, akhirnya bahasa menjadi mediator yang mendorong kepada prasetia keusahawanan (Kouzes & Posner, 1988; Shehu & Shittu, 2015; Tagne, 2020). Seterusnya, penyelidikan kualitatif ini bertujuan untuk meneroka peranan bahasa Ibunda sebagai mediator dan sebagai agen transformasi kepada pengaruh model TPB terhadap prasetia keusahawanan mahasiswa di *International Islamic University Malaysia* (IIUM) dengan rujukan kepada bahasa Melayu. Secara spesifiknya, objektif penyelidikan ini adalah seperti berikut:

1. Untuk meneroka hubungan antara Sikap terhadap tingkah laku, Norma subjektif dan Kawalan tingkah laku terhadap prasetia keusahawanan dalam kalangan pelajar Malaysia di IIUM.
2. Untuk menerangkan faktor pengaruh bahasa Ibunda sebagai mediator kepada Sikap terhadap tingkah laku, Norma subjektif dan Kawalan tingkah laku terhadap prasetia keusahawanan dalam kalangan pelajar Malaysia di IIUM.

Model hubungan TPB dengan prasetia keusahawanan

Ringkasan daripada tinjauan literatur menunjukkan bahawa model TPB (Icek Ajzen; 1991, 2020) sesuai digunakan untuk menerangkan prasetia keusahawanan dalam kalangan pelajar universiti. TPB adalah lanjutan daripada teori awal yang dinamakan sebagai teori tindakan beralasan (Fishbein & Ajzen, 2010). Model TPB, yang berasaskan psikologi ini, memupuk kepercayaan, sikap, norma subjektif dan motivasi diri dan diramal



Rajah 1. Model Tingkah laku yang dirancang diubah suai (Icek Ajzen, 1991, 2020)

akan mendorong kepada prasetia dan tingkah laku seseorang. Bukan itu sahaja, keyakinan seseorang turut memberikan kesan kepada sikap dan tingkah laku dalam membuat keputusan. Malahan keistimewaan model TPB ialah bersifat malar hijau (*evergreen*) dan serba boleh (*versatile*), sentiasa sesuai digunakan untuk semua disiplin penyelidikan termasuk penyelidikan pendidikan keusahawanan. Oleh itu, penyelidikan ini mengkaji hubungan antara faktor psikologi terhadap prasetia keusahawanan, menggunakan model TPB yang telah diubah suai dengan memasukkan elemen etnografi iaitu bahasa Ibunda bagi meneroka pengaruh psikofari kepada prasetia keusahawanan dalam kalangan pelajar Malaysia di IIUM. Sementara AI perisian Nvivo 14, pula digunakan untuk mengukur prasetia keusahawanan. Model bagi penyelidikan ini adalah seperti Rajah 1.

Metodologi

Kaedah penyelidikan kualitatif digunakan dalam penyelidikan ini dan data penyelidikan dikumpul melalui kaedah temu bual separa berstruktur. Kaedah ini membolehkan penyelidik menyelami perspektif psikologi, unsur etnografi dan pengalaman informan dalam mempelajari ilmu keusahawanan menggunakan mediator bahasa Ibunda. Seterusnya, sembilan orang informan yang telah dipilih untuk ditemu bual. Informan penyelidikan yang dipilih adalah dalam kalangan pelajar pernah mengambil kursus Bahasa Melayu Kerjaya Perniagaan dan antara yang aktif semasa pembelajaran berlangsung serta mendapat markah terbaik bagi kursus tersebut. Temu bual dijalankan secara tidak rasmi iaitu melalui perbualan dan penceritaan pengalaman. Sementara soalan-soalan temu bual merangkumi perkara seperti impak kursus berasaskan keusahawanan sebagai usaha memberi motivasi dan dorongan untuk memulakan perniagaan serta sumbangan yang ingin dilakukan bagi memperkasakan ekosistem keusahawanan untuk kerjaya masa hadapan mereka.

Penyelidik berperanan sebagai moderator dalam sesi temu bual tersebut dengan memberikan soalan-soalan kepada informan sejajar dengan objektif penyelidikan. Akhir sekali, seluruh perbincangan dalam temu bual direkodkan dan ditranskripsikan secara verbatim. Berikutnya pula, transkrip perbincangan dikategorikan kepada empat tema (seperti di bawah) dan dianalisis mengikut menggunakan aplikasi agen teknologi AI, perisian NVivo 14. Perisian ini memiliki fitur AI, membantu mempercepatkan analisis data kualitatif untuk mengorganisasi data non-numerik seperti transkrip wawancara, catatan lapangan, dokumen, gambar, atau video. Kelebihannya terletak pada kemampuan dalam mengidentifikasi tema dan hubungan antara data yang dianalisis, malahan Nvivo 14 juga merupakan alat bantu analisis yang tepat, penting untuk mengelola dan memahami data kualitatif secara efisien.

Hasil Kajian

Hasil Kajian ini dianalisis berdasarkan empat kategori tema berdasarkan model TPB yang diubah suai menggunakan Nvivo 14. Tema tersebut ialah, i) tema Motivasi - Sikap terhadap tingkah laku & Kawalan tingkah laku; ii) tema Jaringan sokongan- Norma subjektif, iii) tema Pengaruh bahasa Ibunda,; iv) tema Prasetia keusahawanan.

Sembilan mahasiswa yang menjadi informan bagi tujuan soal selidik separa berstruktur penyelidikan ini terdiri daripada 3 pelajar lelaki dan 6 pelajar perempuan dari kampus Gombak. Kesemua informan berumur antara 20 hingga 21 tahun. Mereka yang terpilih untuk ditemu bual ini adalah daripada mahasiswa yang menunjukkan minat dan mendapat markah yang tinggi bagi kursus bahasa Melayu Kerjaya Perniagaan.


Motivasi: sikap terhadap tingkah laku & kawalan tingkah laku

Motivasi yang tinggi terhadap kerjaya keusahawanan akan memupuk prasetia untuk menceburi bidang keusahawanan. Sikap positif mahasiswa terhadap kerjaya keusahawanan akan dapat mengecilkan jurang pengangguran. Tambahan pula, berani mengambil risiko telah menyebabkan para mahasiswa sedar bahawa bidang keusahawanan boleh menjadi kerjaya yang menjamin masa hadapan. Sementara itu informan penyelidikan ini menunjukkan motivasi yang tinggi terhadap kerjaya keusahawanan. Dapatan daripada temu bual separa berstruktur bersama informan yang mengambil bahagian adalah seperti Jadual 1.

Jadual 1. Tema sikap terhadap tingkah laku dan kawalan tingkah laku

Tema	Petikan
Motivasi	<i>"Mencipta pekerjaan sendiri sangatlah penting di masa sekarang kerana ekonomi yang tidak menentu"</i> . (Informan 1, lelaki, 21 tahun).
	<i>"Keusahawanan juga dapat menarik minat pelajar kerana ia dapat membuka peluang untuk mengasah minat dan idea baru"</i> . (Informan 2, perempuan, 21 tahun).
	<i>"Kerjaya keusahawanan banyak memberi peluang untuk penambahbaikan dan menaik taraf kualiti perniagaan agar kerjaya ini dapat dikekalkan"</i> . (Informan 3, perempuan, 21 tahun).
	<i>"Kerja sendiri lebih menarik, waktu kerja fleksibel, dapat melakukan pelbagai aktiviti bisnes berbanding kerja makan gaji buat perkara rutin"</i> . (Informan 4, perempuan, 21 tahun).
	<i>"Mencipta kerja sendiri sangatlah penting di masa sekarang kerana keadaan ekonomi yang tidak menentu"</i> . (Informan 5, lelaki, 21 tahun).
	<i>"Ya, saya sangat yakin. Dengan ada ilmu yang ditimba hasil 2 subjek di UIAM, serta mengikuti jejak langkah ayah di luar kampus, saya belajar melalui teladan dan pengetahuan untuk lebih berani mengambil risiko dan mencuba perkara baharu"</i> (Informan 6, lelaki, 21 tahun).

Dapatan penyelidikan menunjukkan informan lelaki mempunyai motivasi yang lebih tinggi berbanding informan perempuan. Ini bermaksud informan lelaki mempunyai motivasi yang lebih tinggi terhadap kerjaya keusahawanan, seperti dalam Rajah 2.



Rajah 2. Tema motivasi - sikap terhadap tingkah laku & kawalan tingkah laku


Jaringan Sokongan: Norma subjektif

Faktor Jaringan sokongan- Norma subjektif, seperti sokongan daripada ibu bapa, pengaruh rakan-rakan, dorongan daripada pensyarah dan ekosistem yang baik juga menjadi faktor terhadap prasetia keusahawanan. Jaringan sokongan ini ialah pandangan yang dianggap penting oleh individu yang menasihati individu lain untuk melakukan atau tidak melakukan tingkah laku termasuk tingkah laku terhadap keusahawanan. Pengaruh tema jaringan sokongan-Norma subjektif dalam penyelidikan ini, seperti yang dinyatakan oleh informan pada Jadual 2.

Jadual 2. Tema jaringan sokongan: norma subjektif

Tema	Petikan
Jaringan sokongan	<i>"Ibu bapa saya juga menggalakan saya penceburi bidang ini kerana keusahawanan ialah bidang yang bagus kerana saya dapat pelajari pelbagai aspek kehidupan".</i> (Informan 2, perempuan, 21 tahun).
	<i>"Persekitaran kampus berjaya menarik minat untuk menjadi usahaw pada masa hadapan".</i> (Informan 1, lelaki, 21 tahun).
	<i>"Melihat kejayaan rakan-rakan membina kerjaya dengan pendapatan yang stabil. Mereka banyak membantu masyarakat melalui kerjaya keusahawanan. Faktor ini mendorong saya untuk menjadi usahawan masa hadapan".</i> (Informan 5, lelaki, 21 tahun).
	<i>"Pensyarah turut memberi sokongan dan nasihat yang membantu"</i> (Informan 3, perempuan, 21 tahun).
	<i>"Pihak universiti paling kuat memberi inspirasi kepada saya untuk meneroka bidang keusahawanan"</i> (Informan 4, perempuan, 21 tahun).
	<i>"Pensyarah di kampus yang pernah berkata, sebagai usahawan, kita akan 'create more work opportunities'"</i> (Informan 6, lelaki, 21 tahun).

Dapatan daripada temu bual, jelas menunjukkan faktor jaringan sokongan-Norma subjektif telah mempengaruhi minda informan lalu membentuk Norma subjektif yang positif terhadap prasetia keusahawanan dalam kalangan mereka.



Rajah 3: Tema Motivasi - Norma subjektif

Rajah 3 menunjukkan pengaruh Jaringan sokongan dalam kalangan informan penyelidikan ini. Faktor jaringan sokongan telah mempengaruhi minda informan lalu membentuk Norma subjektif yang positif terhadap prasetia keusahawanan dalam kalangan mereka. Rajah turut menunjukkan pengaruh Jaringan sokongan-Norma subjektif terhadap prasetia informan perempuan lebih tinggi berbanding informan lelaki. Indikator ini memberi gambaran bahawa informan perempuan lebih tertarik dan lebih terpengaruh dengan faktor sekeliling seperti pengaruh keluarga, kawan-kawan mahupun pensyarah bagi memupuk prasetia keusahawanan.


Pengaruh bahasa ibunda

Analisis temu bual separa berstruktur berikutnya dilakukan bagi mencari jawapan sokongan kepada pengaruh bahasa Ibunda terhadap prasetia keusahawanan pelajar IIUM. Antara dapatan daripada analisis temu bual berkaitan dengan pengaruh bahasa Ibunda adalah seperti Jadual 3.

Jadual 3. Tema pengaruh Bahasa ibunda

Tema	Petikan
Pengaruh Bahasa Ibunda	<i>"Ya, saya rasa BM sangat penting. Hal ini kerana boleh kata semua rakyat Malaysia boleh berbicara dalam Bahasa Kebangsaan yakni Bahasa Melayu".</i> (Informan 6, lelaki, 21 tahun).
	<i>"Bahasa Melayu membolehkan usahawan berkomunikasi dengan pelanggan secara lebih berkesan"</i> (Informan 8, perempuan, 21 tahun).
	<i>"Bahasa Melayu memberi peluang untuk mencipta kerjaya kerana lebih mudah difahami oleh masyarakat tempatan".</i> (Informan 1, 21 tahun).
	<i>"Sejak dari zaman dahulu lagi bahasa Melayu berjaya dijadikan sebagai lingua franca iaitu bahasa perantaraan semasa perdagangan".</i> (Informan 3, 21 tahun).
	<i>"Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantaraan, saya yakin setiap urusan niaga akan lebih mudah".</i> (Informan 2, perempuan 21 tahun).
	<i>"Penggunaan bahasa Melayu akan membantu menjadikan proses itu lebih mudah difahami dan maklumat akan lebih cepat sampai kepada pelanggan".</i> (Informan 9, perempuan 22 tahun).
	<i>BM boleh menjadi mediator dalam perniagaan".</i> (Informan 5, lelaki 21 tahun).

Hasil daripada analisis perisian AI, Nvivo 14, daripada temu bual bersama 9 informan bagi tema pengaruh bahasa Ibunda menunjukkan pengaruh mediator bahasa Ibunda lebih tinggi mempengaruhi pelajar perempuan berbanding lelaki, seperti rajah di bawah;



Rajah 4. Tema Pengaruh bahasa ibunda

Dapatan menunjukkan bahawa informan perempuan lebih bersetuju, bahasa Ibunda telah menarik minat dan memupuk prasetya keusahawanan semua informan menerima baik, bermotivasi dan bersetuju bahawa bahasa Ibunda sebagai agen transformasi prasetya keusahawanan dan dapat meningkatkan keyakinan mereka untuk menceburi kerjaya keusahawanan pada masa hadapan. Intinya, pendidikan keusahawanan dalam bahasa ibunda penting kerana dapat memperkukuh pemahaman asas, memperkasa keyakinan diri mahasiswa, memupuk identiti, dan memudahkan memahami konsep kompleks terma dalam bidang perniagaan, agar mudah menyerap ilmu dalam bahasa yang mereka kuasai sepenuhnya. Malahan penggunaan bahasa Ibunda juga membantu meningkatkan keyakinan dalam menyelesaikan masalah perniagaan yang spesifik kepada konteks tempatan kerana mereka memahami nuansa bahasa dan budaya setempat dengan lebih


baik. Faktor ini boleh menjadi platform lebih efektif untuk memupuk minda inovasi dan kreativiti bagi memupuk prasetia keusahawanan di peringkat awal.

Tema prasetia keusahawanan

Bagi menilai tahap prasetia keusahawanan dan meneroka pengaruh *antecedent* prasetia keusahawanan, penyelidik juga telah mendapat pandangan daripada informan tentang kecenderungan mereka terhadap kerjaya keusahawanan. Kesemua, sembilan informan telah menyatakan bahawa pengaruh psikologi daripada model TPB, elemen etnografi pengaruh bahasa Ibunda, telah meningkatkan prasetia keusahawanan mereka. Hasil dapatan temu bual bersama informan berdasarkan tema prasetia keusahawanan adalah seperti Jadual 4.

Jadual 4. Tema prasetia keusahawanan

Tema	Petikan
Prasetia keusahawanan	“Kerjaya keusahawanan ini berdasarkan pandangan saya, dapat menjamin masa depan”. (Informan 7, perempuan 21 tahun).
	“Mencipta kerja sendiri sangatlah penting di masa sekarang kerana keadaan ekonomi yang tidak menentu”. (Informan 1, lelaki 21 tahun).
	“Dapat membuka mata dan minat saya tentang peluang untuk mencipta pekerjaan sendiri”. (Informan 2, perempuan 21 tahun)
	“Semestinya saya lebih memilih untuk bekerja sendiri dan menjadi usahawan”. (Informan 6, lelaki 21 tahun)
	“Perniagaan kita sebagai pemula untuk memberi kerjaya kepada orang lain” dan “Membantu memberi kerjaya dan menjamin masa depan antara satu sama lain”. (Informan 9, perempuan 22 tahun)
	“Kerjaya keusahawanan menarik minat saya untuk menceburi bidang tersebut” dan “kerjaya ini lebih menampakkan hasil yang begitu lumayan”. (Informan 8, perempuan 21 tahun).
	“Saya bercita-cita untuk menjadi usahawan”. (Informan 4, perempuan 21 tahun).
	“Pandangan saya, kerjaya keusahawanan adalah satu kerjaya yang boleh diinovasi mengikut arus semasa dan boleh berkekalan dalam tempoh masa yang lama”. (Informan 3, perempuan 21 tahun).
	“Mula berniaga secara sambilan di dalam kampus” dan “Dalam proses mencari kerja, saya juga turut membuat perancangan untuk menubuhkan perniagaan sendiri iaitu menubuhkan pusat pendidikan bahasa asing secara kecil-kecilan”. (Informan 5, lelaki 21 tahun).



Rajah 5. Tema prasetia keusahawanan

Rajah 5 yang telah diabstrak daripada perisian AI, Nvivo 14, telah menunjukkan kesemua informan cenderung terhadap prasetia keusahawanan dan informan perempuan lebih cenderung berbanding informan lelaki terhadap prasetia keusahawanan. Ini menunjukkan bahawa berdasarkan analisis yang telah dijalankan melalui AI, penyelidikan ini berjaya membuktikan model TPB yang diubah suai dengan gabungan elemen etnografi, mediator bahasa Ibunda secara konsisten positif, dan signifikan telah mempengaruhi prasetia keusahawanan dalam kalangan pelajar Malaysia di IIUM. Sehubungan dengan itu, dapatan penyelidikan ini berjaya membuktikan bahawa model teori dari Barat seperti model TPB juga berkesan dan signifikan terhadap penyelidikan tempatan. Malahan penyelidik psikografi ini telah berjaya membuktikan model TPB yang telah diubah suai juga dapat menilai dan menerangkan prasetia keusahawanan dalam kalangan mahasiswa IPTA di Malaysia, khususnya di IIUM. Penggunaan AI, Nvivo 14, pula dapat merekodkan hasil dapatan yang berkesan dan signifikan terhadap penyelidikan prasetia keusahawanan.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, pengajaran dan pembelajaran pendidikan keusahawanan menggunakan bahasa Ibunda di IIUM khususnya, adalah penting dan memberi peluang untuk pertumbuhan dan perkembangan potensi kreatif dan inovatif mahasiswa. Pendidikan keusahawanan bahasa Ibunda akan menyemai nilai-nilai keusahawanan yang akan menjadi sebuah ciri yang boleh digunakan oleh mahasiswa untuk bergaul dan berinteraksi dengan masyarakat pada masa hadapan. Di samping itu, penerapan pendidikan keusahawanan menggunakan bahasa Ibunda (bahasa Melayu) mampu memberi lebih banyak ruang dan peluang kepada mahasiswa untuk menguasai dunia perniagaan tempatan. Hasil daripada gabungan kemahiran linguistik dan kecekapan komunikatif berbahasa dalam bahasa Ibunda memberi peluang untuk pertumbuhan dan perkembangan potensi kreatif dan inovatif bagi memupuk prasetia keusahawanan. Kombinasi kemahiran dan kecekapan ini akan menjadi sebuah ciri yang boleh digunakan oleh untuk membina kerjaya keusahawanan di samping menjadikan bahasa Melayu sebagai salah satu bahasa ilmu.

Penggunaan teknologi AI, Nvivo 14 dapat meningkatkan kecekapan, ketepatan dan kebolehpercayaan dalam sesuatu penyelidikan, termasuk penyelidikan ini. Malahan, teknik menganalisis data menjadi lebih berkesan dan berstruktur dengan skala yang lebih luas bagi mendapatkan corak, korelasi dan cerapan dapatan penyelidikan lebih nuansa dan tepat. Teknologi AI beroperasi secara berterusan secara data awan (*cloud data*) dan data disimpan secara storan awan (*cloud source*) membolehkan penyelidik menyemak, memproses dan menganalisis data secara berterusan sepanjang masa. Pengaplikasian teknologi AI dalam penyelidikan berteraskan pendidikan keusahawanan menggunakan bahasa Ibunda diharap memberi impak dan kesan yang positif kepada proses membina hubungan manusiawi yang lebih erat dengan bantuan AI dan teknologi dalam pendidikan sains sosial di negara ini pada masa kini dan masa akan datang.

Penyelidikan ini diharap menyumbang kepada agenda untuk membantu melahirkan lebih ramai usahawan Melayu dan dalam masa yang sama akan membantu untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara keusahawanan menjelang 2030 dapat direalisasikan. Malahan kerjaya keusahawanan merupakan satu inisiatif penting negara bagi mengatasi masalah pengangguran di samping meningkatkan ekonomi negara (Salwani & Mohd Safarin, 2023). Sehubungan itu, semua pihak perlu berganding bahu, membantu melahirkan lebih ramai keusahawanan lestari dan menyokong generasi muda masa kini untuk menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan.

Penghargaan: Ucapan sekalung penghargaan ini ditujukan khas buat semua yang terlibat dalam menjayakan penyelidikan ini terutamanya informan penyelidikan ini. Tidak lupa juga Divisyen Bahasa Melayu CELPAD dan IIUM serta semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung. Saya amat menghargai segala bantuan dan sokongan yang telah diberikan kerana tanpa bantuan dan sokongan anda semua, penyelidikan ini mungkin tidak dapat dijalankan dengan sempurna.

Konflik Kepentingan: Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarang atau penerbitan penyelidikan ini. Tujuan utama penyelidikan ini dibuat, demi masa depan pendidikan keusahawanan bahasa Ibunda di IIUM khasnya dan di Malaysia amnya.

Kenyataan Persetujuan Termaklum: Persetujuan termaklum telah diperoleh daripada semua peserta sebelum penyertaan dalam kajian ini.

Rujukan

- Ajzen, I. (1991). The theory of planned behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 50(2), 179–211. [https://doi.org/10.1016/0749-5978\(91\)90020-T](https://doi.org/10.1016/0749-5978(91)90020-T)
- Ajzen, I. (2020). The theory of planned behavior: Frequently asked questions. *Human Behavior and Emerging Technologies*, 2(4), 314–324. <https://doi.org/10.1002/hbe2.195>
- Campo, F., Nunziata, L., & Rocco, L. (2023). Business is tense: New evidence on how language affects economic activity. *Journal of Economic Growth*, 29, 121–149. <https://doi.org/10.1007/s10887-023-09229-5>
- Carr, J. C., & Sequeira, J. M. (2007). Prior family business exposure as intergenerational influence and entrepreneurial intent: A theory of planned behavior approach. *Journal of Business Research*, 60(10), 1090–1098. <https://doi.org/10.1016/j.jbusres.2006.12.016>
- Chelliah, S., & Othman, N. (2022). Malay language proficiency and achievement in business studies among non-Malay students. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(5). <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i5.1509>
- Dzulki-fly, D. (2021, April 1). Report: Fresh graduate salaries fell to minimum wage level in 2020. *Malay Mail*. <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2021/04/01/report-fresh-grad-salaries-fell-to-minimum-wage-level-in-2020-says-statsde/1962896>
- Etrata, A. E., & Raborar, J. L. (2022). The Filipino Generation Z's entrepreneurial intention: What drives their business mindedness? *International Journal of Research in Business and Social Science*, 11(2). <https://doi.org/10.20525/ijrbs.v11i2.1660>
- Fearon, J. D., & Laitin, D. D. (2003). Ethnicity, insurgency, and civil war. *American Political Science Review*, 97(1), 75–90. <https://doi.org/10.1017/S0003055403000534>
- Fishbein, M., & Ajzen, I. (2010). *Predicting and changing behavior: The reasoned action approach*. Psychology Press.
- Kamus Dewan (4th ed.). (2005). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Krueger, N. F., Reilly, M. D., & Carsrud, A. L. (2000). Competing models of entrepreneurial intentions. *Journal of Business Venturing*, 15(5–6), 411–432. [https://doi.org/10.1016/S0883-9026\(98\)00033-3](https://doi.org/10.1016/S0883-9026(98)00033-3)
- Lim, S. L., Sahid, S., & Othman, N. (2022). Attitudes and entrepreneurial behavior in career choice among students. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(3), e001345.
- Lokman, N. H., & Yakob, N. A. (2023). Entrepreneurial intention among new students in Malaysian public universities. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 8(2), e002135. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i2.2135>
- Mezieobi, K. C., et al. (2023). Use of mother tongue and gender as determinants of students' attitudes towards entrepreneurship education. *Journal of Entrepreneurial Innovations*, 4(1). <https://doi.org/10.14426/jei.v4iSI.1678>
- Mohamad Imtiaz, et al. (2023). Entrepreneurial intentions of Gen Z university students and entrepreneurial constraints in Bangladesh. *Journal of Innovation and Entrepreneurship*. <https://doi.org/10.1186/s13731-023-00279-y>
- Noormohamadi, R. (2008). Mother tongue: A necessary step to intellectual development. *Pan-Pacific Association of Applied Linguistics*, 12(2), 25–36.
- Nishanthi, R. (2020). Understanding the importance of mother tongue learning. *International Journal of Trend in Scientific Research and Development*, 5(1).
- Nur Alfitri, A., et al. (2023). Entrepreneurial competency, individual entrepreneurial orientation, and youth business performance. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 20(2), 115–126.
- Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi 2016–2020. (2016). Ministry of Higher Education Malaysia.
- Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi 2021–2025. (2021). Ministry of Higher Education Malaysia.
- Rezvan Noormohamadi. (2008). Mother tongue, a necessary step to intellectual development. *Pan-Pacific Association of Applied Linguistics*, 12(2), 25–36.

- Shehu, H., & Shittu, K. O. (2015). The bridge to economic prosperity: The role of English language communication in entrepreneurship. *International Journal of Humanities and Social Science*, 5(7), 189–195.
- Tagne, J. S. (2020). The impact of communication language on entrepreneurship in Cameroon. *International Journal of Sustainable Entrepreneurship and Corporate Social Responsibility*, 5(2). <https://doi.org/10.4018/IJSECSR.2020070102>
- Tumin, S. A. (2021). *Low wages in the job market*. Khazanah Research Institute.
- Zovko, L., Bilić, I., & Dulčić, Ž. (2020). Determinants of students' entrepreneurial intention: An empirical research. *Journal of Contemporary Management Issues*. <https://doi.org/10.30924/mjcmi.25.1.2>